A black and white profile photograph of Tun Dr. Mahathir Mohamad, an elderly man with glasses, wearing a dark suit, a light-colored striped shirt, and a blue tie. He is looking towards the right of the frame. The background is dark and out of focus.

TUN DR.  
**MAHATHIR**  
MOHAMAD

**Kuasa & Krisis**  
**Kehakiman 1982-1988**

Mohamad Asrol • Ishak Saat



قنر بیت اونورسیتی قنر دینقن سلطن ادریس  
PENERBIT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS





TUN DR.  
**MAHATHIR**  
MOHAMAD  
**Kuasa & Krisis**  
**Kehakiman 1982-1988**

Mohamad Asrol • Ishak Saat

PUSTAKA PERDANA



1013607

PENYARBIT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM, PERAK  
2023

• Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) •



Cetakan Pertama 2023  
© Universiti Pendidikan Sultan Idris 2023

#### Hak Cipta Terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Tel: 05-4506000, Faks: 05-4595169  
Laman Sesawang : [www.upsi.edu.my](http://www.upsi.edu.my)  
E-mel : [penerbit@upsi.edu.my](mailto:penerbit@upsi.edu.my)

Atur huruf dan grafik oleh  
Pejabat Karang Mengarang (PENERBIT UPSI)  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Foto Kulit Buku: Norel H / Shutterstock.com

Dicetak oleh  
Nur Niaga Sdn Bhd  
No.55 Jalan 6/2, Taman Industri Selesa Jaya,  
43300 Sri Kembangan, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia


Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamad Asrol, author.  
Ishak Saat, 1964- author.  
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD : Kuasa & Krisis Kehakiman 1982-1988 /  
Mohamad Asrol, Ishak Saat  
2023  
Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris ,  
Political leadership -- Malaysia --  
Politicians -- Malaysia -- Biography --  
Prime ministers -- Malaysia -- Biography --  
Political leadership -- Malaysia --  
Government publications -- Malaysia --

ISBN 978-629-7524-13-9

923-2595

# Kandungan



<i>Senarai Foto</i>	ix
<i>Senarai Rajah</i>	xi
<i>Senarai Jadual</i>	xiii
<i>Senarai Singkatan</i>	xv
<i>Prakata</i>	xvii

## 1 PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Definisi Istilah	4
Kebebasan Kehakiman	5
Kepimpinan Autokratik	14
Kepimpinan Diktator	14
Latar Belakang Sistem Pemerintahan di Malaysia	15
Badan Eksekutif	16
Badan Perundangan	17
Badan Kehakiman	17
Kesimpulan	18

## 2 HUBUNGAN TUN DR. MAHATHIR DENGAN BADAN KEHAKIMAN

Pengenalan	21
Tahun 1981 hingga 1984	23
Tahun 1984 hingga 1988	39
Kesimpulan	46

<b>3 KRISIS KEPIMPINAN UMNO ERA TUN DR. MAHATHIR SEHINGGA PENGHARAMAN UMNO</b>	
Pengenalan	49
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR)	50
UMNO dan Akta Pertubuhan	52
Perspektif Sejarah Krisis dalam UMNO	57
Krisis Kepimpinan Era Tun Dr. Mahathir Mohamad	58
Pertandingan Jawatan Timbalan Presiden Parti Tahun 1981	61
Pertandingan Jawatan Timbalan Presiden Kali Kedua pada Tahun 1984	64
Krisis Sebelum Menjelang Perhimpunan Agung UMNO 1987	65
Penentangan Terhadap Kepimpinan Tun Dr. Mahathir	66
Perhimpunan Agung UMNO Ke-38	70
Keputusan Pemilihan Parti di Mesyuarat Agung Ke-38	75
Peristiwa Selepas Perhimpunan Agung	76
Penentangan Terhadap Pucuk Kepimpinan	79
Faktor Wujudnya Krisis dalam UMNO	83
Kesimpulan	84
<b>4 KRISIS ANTARA TUN DR. MAHATHIR DAN BADAN KEHAKIMAN</b>	
Pengenalan	85
Faktor-faktor yang Mempengaruhi Krisis	87
Kes BMF - Petronas Mengambil alih Bank Bumiputra	87
Kes Tun Dr. Mahathir vs Tengku Razaleigh Hamzah	89
Kes UEM Pertama	95
Dakwaan Berat Sebelah dalam Kes UMNO	98
Kes Penahanan Tan Sri Raja Khalid	102
Kes bagi Kesalahan Agama Islam	103
Surat Tun Salleh Abas kepada Yang Di-Pertuan Agong	106
Kes Hakim Dato' Harun Hashim	112
Kes JP Berthelsen vs Director General of Immigration	115
Kes Public Prosecutor vs Dato' Yap Peng	118
Kes Lim Kit Siang vs United Engineers (M) Berhad	119
Kes Persatuan Aliran Kesedaran Negara vs Kementerian Dalam Negeri	121

Kes Karpal Singh vs Kementerian Dalam Negeri	123
Kes Pindaan Kanun Acara Jenayah	124
Kes Teoh Eng Huat vs Kadhi Pasir Mas	125
Kes Penahanan Beramai-ramai ketika Operasi Lalang	127
Hubungan Tun Dr. Mahathir dengan Badan Kehakiman	128
Kes Pertuduhan Terhadap Tun Dr. Mahathir kerana Tidak Menghormati Mahkamah	131
Tun Salleh Abas Menjawab Kritikan Tun Dr. Mahathir	132
Kritikan Tun Dr. Mahathir Terhadap Badan Kehakiman	133
Kritikan Tun Dr. Mahathir Terhadap Hakim Dato' Harun Hashim serta Pendirian Tun Salleh Abas	136
Kritikan Tun Dr. Mahathir Terhadap Badan Kehakiman di Parlimen	137
Kritikan Tun Dr. Mahathir Terhadap Badan Kehakiman dalam Majalah Business Times	138
Kritikan Tun Dr. Mahathir Terhadap Badan Kehakiman dalam New Straits Times	139
Konflik Tun Dr. Mahathir dengan Ketua Hakim Negara	141
Kesimpulan	157

## **5 CAMPUR TANGAN DAN PERLUASAN KUASA TUN DR. MAHATHIR TERHADAP KEHAKIMAN MALAYSIA**

Pengenalan	159
Eksekutif Mempengaruhi Badan Kehakiman	161
Pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)	165
Pindaan Akta Rahsia Rasmi (OSA)	168
Pindaan Akta Pertubuhan 1966	170
Pindaan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak	172
Pindaan Akta Polis	176
Pindaan Akta Imigresen	179
Membentuk Tribunal bagi Memecat Hakim Tribunal Pertama	180
Tribunal Kedua	183
Pemecatan Tun Salleh Abas	185
Penggantungan Tugas Lima Hakim Mahkamah Agung	193
Pemecatan Tan Sri Wan Suleiman	204
Pemecatan Datuk George Seah	207

Cadangan untuk Menyingkirkan Hakim Harun Hashim di Parlimen	208
Kesimpulan	209
<b>6 IMPLIKASI CAMPUR TANGAN DAN PERLUASAN KUASA TUN DR. MAHATHIR TERHADAP KEHAKIMAN MALAYSIA</b>	
Pengenalan	211
Pindaan Perlembagaan Berhubung dengan Kuasa Hakim	212
Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan: Bertujuan Menghapuskan Interpretasi Hakim	213
Keputusan Penghakiman Tidak Telus dan <i>Bias</i>	222
Penyalahgunaan Kuasa Eksekutif Terhadap Badan Kehakiman	225
Kedudukan Badan Kehakiman Menjadi Lemah dan Kehilangan Kuasa	228
Menghakis Keyakinan dan Kepercayaan Rakyat Terhadap Integriti Badan Kehakiman	231
Penyalahgunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)	232
Hak Kebebasan Asasi dan Aktiviti Politik	233
Kritikan Dalam dan Luar Negara Terhadap Eksekutif	233
Semakan Semula Krisis Perlembagaan 1988	237
Kesimpulan	242
<b>7 PENUTUP</b>	243
<i>Lampiran</i>	273
<i>Bibliografi</i>	255
<i>Indeks</i>	267

# Senarai Foto





Foto 1.1	Tun Mohamed Suffian Hashim	8
Foto 1.2	Lord Irvive Of Lairg	11
Foto 2.1	Mahathir Muhamad Tahun 1969	23
Foto 2.2	Pol Pot	27
Foto 2.3	JATA PBB	32
Foto 2.4	DYMM Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah pada Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke-9 di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 17 September 1989	39
Foto 2.5	Tengku Razaleigh Hamzah	42
Foto 2.6	Dato Harun Hashim	43
Foto 2.7	Suruhanjaya Tribunal kes Tun Salleh Abas	45
Foto 3.1	Tun Mahathir Vs Tengku Rezaligh	50
Foto 3.2	Istana Besar, Johor Bahru	52
Foto 3.3	Anwar Ibrahim masuk Umno, 1982	59
Foto 3.4	Hussein Onn dan Mahathir Muhamad	61
Foto 3.5	Tengku Razaleigh, Ghaffar Baba dan Musa Hitam	62
Foto 3.6	Tun Musa Hitam	65
Foto 3.7	Muka depan Utusan Malaysia, 10 Julai 1985	68
Foto 3.8	Rais Yatim	69
Foto 4.1	Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur	86
Foto 4.2	Istana Kehakiman	86
Foto 4.3	Utusan Malaysia, 13 OKTOBER 1983	88
Foto 4.4	Persidangan UMNO baru pertama, 25 Jun 1987	94
Foto 4.5	Projek Pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan	95
Foto 4.6	Lim Kit Siang	96

Foto 4.7	Tan Sri Hashim Yeop Sani	105
Foto 4.8	Tan Sri Eusoffe Abdolcadeer	106
Foto 4.9	Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail	108
Foto 4.10	Karpal Singh	123
Foto 4.11	The Star, 28 Oktober 1987	127
Foto 4.12	Tan Sri Dato Abdul Hamid Omar	150
Foto 4.13	Buku My Day Of Justice Oleh Tun Salleh Abas	153
Foto 5.1	Tengku Razaleigh Hamzah	162
Foto 5.2	Hakim Mahkamah Agung digantung	162
Foto 5.3	Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta88)	169
Foto 5.4	Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335)	171
Foto 5.5	Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984	173
Foto 5.6	Logo Polis DiRaja Malaysia	177
Foto 5.7	Logo Imigresen Malaysia	179
Foto 5.8	The Star, 12 June 1988	187
Foto 5.9	The Star, 6 June 1988	194
Foto 5.10	Datuk George Seah	207
Foto 5.11	Hakim Harun Hashim	208
Foto 6.1	Datuk Syed Ahmad Idid Syed Abdullah	222
Foto 6.2	Datuk Ian Hc Chin	223
Foto 6.3	Tun Muhammed Suffian	236
Foto 6.4	Mr J.S. Verma	240
Foto 6.5	Mr Fakariffin G. Ebrahim	240
Foto 6.6	Tun Abdullah Ahmad Badawi	241
Foto 7.1	Tan Sri Azmi Kamaruddin menerima bayaran Ex-Gratia daripada Zaid Ibrahim di kediamannya, Kuala Lumpur	245
Foto 7.2	Utusan Malaysia, 7 November 2008	245


# Senarai Rajah



Rajah 1.1	Definisi istilah	4
Rajah 1.2	Doktrin pemisahan kuasa	16
Rajah 4.1	Logo Persatuan Aliran	122




# Senarai Jadual



Jadual 3.1 Keputusan Pertandingan bagi Jawatan Timbalan Presiden dan Naib Presiden Tahun 1981	63
Jadual 3.2 Senarai Tokoh yang menyokong Team B	72
Jadual 3.3 Jumlah bahagian UMNO	73
Jadual 3.4 Bilangan pencalonan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden di Perhimpunan Agung UMNO ke-38 pada 24 April 1987	74
Jadual 3.5 Senarai nama Menteri dan Timbalan Menteri yang digugurkan atau meletakkan jawatan	77
Jadual 5.1 Senarai ahli Tribunal Pertama	182
Jadual 5.2 Senarai ahli Tribunal Kedua	184
Jadual 5.3 Senarai hakim yang dilantik bagi tribunal kedua	201




# Senarai Singkatan



ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
API	Angkatan Pemuda Insaf
ASPK	Akta Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
AWSJ	<i>Asian Wall Straits Journal</i>
BBC	<i>BBC News World</i>
BMA	<i>British Military Army</i>
BMF	<i>Bumiputra Malaysia Finance</i>
BN	Barisan Nasional
CAP	<i>The Consumers' Association of Penang</i>
CLJ	<i>Current Law Journal</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DUN	Dewan Undangan Negeri
EGM	<i>Extraordinary General Meeting</i>
Hamin	Hizbul Muslimin
ISA	<i>Internal Security Act</i>
ICCPR	<i>International Covenant on Civil and Political Right</i>
ICESCR	<i>International Covenant on Economic, Social and Culture Rights</i>
JACO	<i>Judicial Appointments and Conduct Ombudsman</i>
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MLJ	<i>Malayan Law Journal</i>
MPAJA	<i>Malayan People's Anti-Japanese Army</i>
MT	Majlis Tertinggi
MRR	Majlis Raja-Raja

NGO	<i>Non Government Organisation</i>
OSA	<i>Official Secrets Act/Akta Rahsia Rasmi</i>
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PEKEMBAR	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PBB	Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu
PETA	Pembela Tanah Air
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
PAU	Perhimpunan Agung UMNO
QC	<i>Queen's Counsel</i>
SPK	Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman
UDHR	<i>Universal Declaration of Human Right</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMBC	<i>University of Maryland, Baltimore Country</i>
UEM	<i>United Engineers Malaysia Bhd.</i>
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UMNO	<i>United Malay National Organisation</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
YDPA	Yang Di-Pertuan Agong

# Prakata



Buku *Tun Mahathir Mohamad: Kuasa & Krisis Kehakiman 1981-1988* adalah diubahsuai daripada tesis doktor falsafah yang bertajuk “Kesan Pentadbiran Tun Dr. Mahathir Terhadap Sistem Kehakiman Malaysia 1981-1989”. Penulisan ini bertujuan untuk menelusuri pentadbiran Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-4 dan kesannya terhadap sistem kehakiman di negara ini dari tahun 1981 hingga tahun 1989. Kesan pentadbiran Tun Dr. Mahathir terhadap sistem kehakiman dapat dilihat khususnya dalam beberapa aspek yang saling berhubung kait antaranya melalui siri campur tangan dan perluasan kuasa eksekutif terhadap bidang kuasa badan kehakiman dalam tempoh masa yang dikaji.

Penulis melakukan kajian ke atas sumber dan dokumen yang berkaitan merangkumi sumber primer berupa dokumen yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya (UM) dan Perpustakaan Parlimen Malaysia. Dokumen yang diperoleh adalah seperti ucapan tokoh, *Malayan Law Journal* (MLJ), *Current Law Journal* (CLJ), Penyata Rasmi Dewan Rakyat dan Dewan Negara, laporan kementerian dan jabatan kerajaan, Rang Undang-undang, Akta dan dokumen Perlembagaan Persekutuan. Manakala sumber sekunder yang digunakan dalam penulisan ini pula berupa buku, penerbitan rasmi, jurnal dan penulisan lain yang diterbitkan seperti surat khabar, majalah dan penerbitan lain yang berkaitan. Pentadbiran Tun Dr. Mahathir dan kesannya terhadap sistem kehakiman Malaysia adalah merupakan topik yang cukup menarik untuk dibincangkan kerana ianya melibatkan antara lain keluhuran pentadbiran, konflik dan kepincangan yang berlaku ketika pentadbiran Tun Dr. Mahathir dengan badan kehakiman Malaysia.

Siri campur tangan dan perluasan kuasa eksekutif terhadap bidang kuasa badan kehakiman dilihat bermula pada peringkat awal sebelum berlakunya krisis perlembagaan persekutuan iaitu pada tahun 1986 melalui kes wartawan *Asian Wall Street Journal*. Pada 27 September 1986, kerajaan Malaysia menerusi Menteri Dalam Negeri (ketika itu Tun Dr. Mahathir Mohamad) menggantung permit dua orang wartawan *Asian Wall Street Journal* iaitu John Peter Berthelsen dan Raphael Pura daripada bertugas di Malaysia kerana di dakwa menerbitkan artikel yang boleh menggugat keselamatan negara. Keadaan ini dapat dilihat melalui pindaan ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di mana peranan mahkamah diambil alih oleh pihak eksekutif.

Kemudiannya krisis semakin memuncak apabila berlakunya kes saman yang melibatkan parti UMNO pada tahun 1987 yang menyebabkan UMNO dibawa ke mahkamah. Mahkamah tinggi akhirnya mengisytiharkan keputusan pemilihan parti UMNO sebagai tidak sah serta telah melanggar syarat-syarat pertubuhan persatuan. UMNO dikategorikan sebagai sebuah parti tidak sah penubuhannya ekoran pengisytiharan tersebut. Seterusnya adalah teretusnya konflik, perluasan kuasa eksekutif serta penggantungan dan pemecatan hakim Mahkamah Agung melalui penubuhan sebuah tribunal siasatan khas. Siri campur tangan eksekutif dalam badan kehakiman adalah merangkumi perkara yang melibatkan fungsi, peranan dan bidang kuasa badan kehakiman.

Krisis Perlembagaan Persekutuan tahun 1988 pada dasarnya meninggalkan kesan penting terhadap badan kehakiman kerana kehilangan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di dalam perlembagaan persekutuan. Krisis yang berlaku turut membawa kepada kehilangan pengaruh serta persepsi negatif masyarakat dalam dan luar negara terhadap sistem pentadbiran di negara ini khususnya berhubung dengan tindakan Tun Dr. Mahathir yang menggantung dan memecat hakim. Tindakan yang dilakukan oleh pihak eksekutif bagi menghadkan bidang kuasa badan kehakiman adalah melalui pindaan Akta Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan kuasa yang diperuntukkan kepada badan kehakiman di parlimen. Keadaan ini secara tidak langsung mengubah persepsi orang ramai terhadap badan kehakiman sebelum itu yang dianggap sebagai satu badan bebas namun dilihat masih terikat dan terbelenggu di bawah pengaruh dan kuasa pihak eksekutif (Perdana Menteri).

Buku ini dilihat amat penting kerana berperanan sebagai penyumbang kepada percambahan dan pengembangan ilmu pengetahuan terutama dalam bidang sejarah serta merupakan satu keperluan penting masa

kini dan masa mendatang. Kajian ini diharap akan menjadi rekod sejarah mengenai kesan pentadbiran Tun Dr. Mahathir yang melibatkan campur tangan dan perluasan kuasa beliau selaku pihak eksekutif serta implikasinya terhadap institusi kehakiman di negara ini. Diharap kajian ini akan merintis jalan bagi penyelidikan yang lebih meluas lagi di masa hadapan. Kajian ini berkisar tentang kesan pentadbiran Tun Dr. Mahathir terhadap badan kehakiman yang pernah berlaku sekitar tahun 1980-an. Seterusnya buku ini juga diharap akan dapat dijadikan sebagai rujukan bagi kes krisis Tun Dr. Mahathir terhadap badan kehakiman yang berlaku sehingga sampai pada kemuncaknya iaitu pada tahun 1988 dengan pemecatan Tun Mohd. Salleh Abas dan dua Hakim Mahkamah Agung.

Hakikatnya, melalui buku ini kita akan lebih memahami dan dapat membuat penilaian serta kesimpulan terhadap krisis perlembagaan persekutuan yang berlaku antara eksekutif dan badan kehakiman pada tahun 1988. Sesungguhnya, krisis yang berlaku pada tahun tersebut memberikan pengajaran yang amat bermakna kepada tentang kesan buruk yang berlaku daripada perluasan kuasa yang keterlaluan di satu pihak ke atas bidang kuasa pihak yang lain. Amalan pemerintahan yang melangkaui bidang kuasa badan yang lain didapati tidak wajar untuk dipraktikkan di negara ini dan tidak membawa sebarang kebaikan untuk masyarakat dan negara. Bahkan corak pemerintahan seperti ini juga dilihat akan membawa kepada kecelaruan, kemusnahan dan kerosakan kepada sistem pentadbiran sesebuah negara yang mengamalkan pemisahan kuasa berasaskan sistem demokrasi.

Buku ini sesuai dimiliki dan dibaca oleh seluruh rakyat Malaysia untuk menambah pengetahuan agar belajar dari sejarah supaya sesuatu kejadian yang tidak diinginkan tidak berlaku kembali. Belajarlah dari sejarah Malaysia kerana di dalamnya terdapat banyak iktibar yang boleh dijadikan panduan untuk kekal aman, makmur dan harmonis.

Sekian.

**Dr. Mohamad Asrol Arpidi bin Mamat**

**Profesor Dr Hj Ishak Saat**


Jabatan Sejarah

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris



# 1



## Latar Belakang Sistem Pemerintahan di Malaysia

### PENGENALAN

Buku ini akan menganalisis kesan pentadbiran Tun Dr. Mahathir terhadap sistem kehakiman di negara ini pada tahun 1981-1989. Kesan pentadbiran Tun Dr. Mahathir terhadap sistem kehakiman dapat dilihat khususnya melalui beberapa siri campur tangan dan perluasan kuasa terhadap badan ini. Eksekutif dan kehakiman adalah merupakan cabang kepada sistem kerajaan persekutuan di negara ini. Campur tangan dan perluasan kuasa Tun Dr. Mahathir dilihat mencapai kemuncak dalam krisis perlembagaan pada tahun 1988, salah satu faktor berlakunya krisis ini adalah rentetan daripada peristiwa pemilihan jawatankuasa tertinggi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau *United Malay National Organisation* (UMNO) pada tahun 1987, dan diikuti oleh beberapa faktor lain yang turut menyumbang kepada berlakunya perluasan kuasa tersebut. Peristiwa ini bermula dengan kritikan, campur tangan secara langsung dan tidak langsung dalam kes mahkamah yang melibatkan eksekutif dan kerajaan. Kemudiannya diikuti dengan penggantungan tugas dan pemecatan Ketua Hakim Negara, Tun

Mohd. Salleh Abas<sup>1</sup> serta dua orang hakim Mahkamah Agung iaitu Tan Sri Wan Suleiman dan Datuk George Seah atas pertuduhan "salah laku kehakiman".<sup>2</sup> (The Malayan Law Journal, 1988) Selepas itu, Tun Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia mengemukakan pindaan terhadap undang-undang di Dewan Rakyat yang bertujuan untuk menyekat kebebasan kehakiman yang secara langsung melemahkan sistem kehakiman.

Pemecatan Ketua Hakim Negara oleh Tun Dr. Mahathir dengan menggunakan kuasa Yang Di-Pertuan Agong adalah merupakan suatu perkara yang sepatutnya tidak berlaku terutamanya dalam kalangan negara Komanwel,<sup>3</sup> (The Malayan Law Journal, 1988) yang mengamalkan sistem

---

<sup>1</sup> Tun Mohamed Salleh bin Abas dilahirkan di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Beliau melanjutkan pendidikannya di Universiti Wales, United Kingdom pada tahun 1949 dan memperoleh ijazahnya dalam bidang undang-undang. Pada tahun 1957, beliau kembali ke Malaysia dan menjadi majistret di Kota Bharu, Kelantan. Pasca merdeka, beliau dipindahkan ke Kuala Lumpur dan dilantik sebagai Penolong Pendakwa Raya. Beliau kemudian pergi ke Britain semula untuk memperoleh ijazah sarjananya dalam bidang undang-undang antarabangsa dan perlembagaan di Universiti London. Sekembalinya pada tahun 1962, dan dilantik sebagai Penasihat Undang-undang dan Penolong Pendakwa Raya untuk Negeri Sembilan dan Melaka. Satu tahun kemudian, beliau pulang ke Kuala Lumpur dan menyandang berbagai-bagai jawatan di bawah Peguam Negara Malaysia, dan akhirnya dilantik sebagai Peguam Cara Negara tahun 1966. pada tahun 1984 beliau dilantik sebagai ketua Hakim Negara.

<sup>2</sup> Penggantungan lima orang Hakim Mahkamah Agung adalah di bawah Artikel 125(5) Perlembagaan Persekutuan. Lihat Ucapan Perbahasan Tuan Lee Lam Thye (Ahli Parlimen Bukit Bintang) di Dewan Rakyat ketika membentangkan Usul Menangguhkan Mesyuarat di Bawah Peraturan Mesyuarat 18: Hakim Mahkamah Agung Penggantungan Jawatan pada 7 Julai 1988, hlm. 4256. Ucapan Perbahasan Dr. Tan Seng Giaw (Ahli Parlimen Kepong) ketika Membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dan Usul Anggaran Pembangunan 1989 di Dewan Rakyat pada 2 November 1988, hlm. 7230. The Malayan Law Journal, Tribunal Report on the Dismissal of Tun Mohd. Salleh Abas, Vol. 3, Malayan Law Journal PTE. LTD., Singapore: Kuala Lumpur, 1988. hlm. xxxiii. Lihat juga Ucapan Perbahasan Tuan Liew Ah Kim (Ahli Parlimen Seputeh) di Dewan Rakyat ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 serta Usul Anggaran Pembangunan 1989 pada 4 November 1988, hlm. 7591.

<sup>3</sup> Tun Salleh Abas, telah dipecat daripada jawatannya pada 8 Ogos 1988 selepas tribunal enam anggota yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong mendapati beliau bersalah atas lima pertuduhan salah laku. Dakwaan salah laku itu timbul daripada pembelaan Tun Salleh terhadap badan kehakiman berkaitan dengan serangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan membawa kepada

pengasingan kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman. Hal yang demikian ini tidak pernah berlaku sama ada di England mahupun mana-mana negara Komanwel yang lain. (Penyata Rasmi Dewan Rakyat. 1988) Tambahan pula, dakwaan ke atas Tun Mohd. Salleh Abas dan hakim Mahkamah Agung dilihat sebagai daif dan tidak berasas jika dilihat dari sudut pandangan Majlis Peguam Malaysia. (Laporan Panel Tokoh Terkemuka Untuk Mengkaji Semula Krisis Badan Kehakiman 1988. 26/7/2008) Mereka melihat dakwaan ini sebagai tindakan pihak eksekutif yang dipimpin oleh Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia yang cuba untuk menggugat kebebasan sistem kehakiman dan keluhuran undang-undang (rule of law) di dalam negara ini ketika itu. (Laporan Panel Tokoh Terkemuka Untuk Mengkaji Semula Krisis Badan Kehakiman 1988. 26/7/2008) Hal yang demikian ini dinyatakan:

*“In what was considered by the legal fraternity as an unfortunate event, on May 31, 1988 he was suspended on a charge of ‘gross mis behaviour’. Under Article 125 (3) of the Malaysian Constitution, a Tribunal was constituted to try the Lord President for a charge which arose from a letter written by Tun Mohd. Salleh Abas to the King, expressing concern over attacks made on the judiciary by the Prime Minister. (Foong J.2002)*

Badan Kehakiman Malaysia adalah merupakan salah satu daripada cabang pentadbiran kerajaan di negara ini. Manakala dua badan lagi iaitu eksekutif dan perundangan. Pembahagian kepada tiga cabang kerajaan ini memberi gambaran kepada masyarakat umum dan tanggapan masyarakat di peringkat antarabangsa berkaitan dengan sistem pengasingan kuasa yang dipraktikkan di negara ini. Sistem pengasingan kuasa ini juga dilaksanakan oleh beberapa negara di dunia. Pada asasnya sistem pentadbiran kerajaan dibahagikan kepada tiga cabang pentadbiran iaitu badan eksekutif, perundangan dan kehakiman. Namun begitu, walaupun negara di dunia mengamalkan konsep pemisahan kuasa tetapi amalan bagi setiap negara adalah berbeza. Jika kita meneliti amalan pemisahan kuasa yang diamalkan oleh negara Barat seperti Amerika Syarikat, keahlian bagi setiap cabang kerajaan tersebut adalah terdiri daripada individu yang berbeza.


---

penggantungan jawatannya pada 29 Mei 1988. Lihat The Malayan Law Journal, Tribunal Report on the Dismissal of Tun Mohd. Salleh Abas, Vol. 3, Malayan Law Journal PTE. LTD., Singapore: Kuala Lumpur, 1988. hlm. xxxiii.

Namun begitu, konsep pemisahan kuasa yang diamalkan di Malaysia adalah berbeza dengan negara Barat. Hal yang demikian ini adalah kerana dalam sistem pemerintahan di Malaysia, anggota eksekutif secara automatik merupakan ahli bagi dewan perundangan. Pihak eksekutif terlibat secara langsung dalam merangka, membahas dan meluluskan undang-undang di dewan perundangan. Dengan kata lain eksekutif adalah perundangan dan perundangan juga adalah eksekutif. Sistem kehakiman pula haruslah bebas dan tidak boleh terikat kepada mana-mana pihak bagi menjamin keadilan dalam membuat keputusan dalam mahkamah.

## DEFINISI ISTILAH

Terdapat banyak definisi istilah yang sesuai untuk digunakan, namun hanya tiga istilah sahaja yang digunakan secara meluas dalam kajian ini. Berkemungkinan bahawa istilah yang digunakan ini adalah berbeza dengan situasi sebenar. Namun begitu, bagi tujuan penyelidikan istilah tersebut diguna pakai. Penulis mendefinisikan secara khusus istilah yang digunakan sebagaimana berikut:



**Rajah 1.1** Definisi istilah

*Sumber:* Diubahsuai daripada Mohd. Salleh Abas, *The Role of the Independent Judiciary*, Promarketing Publications, Kuala Lumpur, 1989. Lihat juga Ghazali Mayudin, Saliha Hassan & Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latiff, *Pengantar Sains Politik*, Modul 2, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

## Kebebasan Kehakiman

Dalam sebuah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi, kebebasan kehakiman berfungsi untuk melindungi hak politik, kebebasan awam dan juga kedaulatan undang-undang. Dalam usaha untuk berfungsi dengan baik maka mahkamah haruslah bebas dari sebarang campur tangan sama ada dari kerajaan atau pihak yang lain. Konsep kebebasan kehakiman ini adalah berkait rapat dengan konsep pengasingan kuasa di antara badan yang membentuk sesebuah kerajaan. Ia juga mempunyai hubung kait dengan konsep Kebebasan Hak Asasi Manusia. Konsep ini berdasarkan kepada andaian bahawa pihak berkuasa tidak boleh diamanahkan dengan kuasa yang tidak terhad. (Mohd. Salleh Abas. 1989)

Badan kehakiman hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas semua isu yang bersifat pengadilan dan kehakiman. Selain itu, ia hendaklah mempunyai kuasa eksklusif untuk menentukan sama ada sesuatu isu yang dikemukakan berada dalam lingkungan bidang kuasanya sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang. Tempoh jawatan bagi seseorang hakim, kebebasan mereka, jaminan, saaran, syarat perkhidmatan, pencen dan umur persaraan hendaklah dijamin secukupnya oleh undang-undang. Tugas dan tanggungjawab hakim dalam mahkamah di mana mereka bertugas adalah perihal dalaman pentadbiran kehakiman. Para hakim adalah tertakluk kepada penggantungan atau penyingkiran sekiranya mereka tidak berupaya atau akibat kelakuan yang menyebabkan mereka tidak layak untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab.

*The Beijing Statement of Principles of the Independence of the Judiciary in the LAWSIA Region 1997* menghuraikan prinsip ini secara terperinci. *Beijing Principles* ini berasal pada tahun 1982 dari *Tokyo Principles* dan peranan *Asia Foundation* bagi maksud ini dalam tahun 1984. Ia membawa kepada persidangan pertama di Malaysia dalam bulan Ogos 1985 serta diikuti dengan persidangan semua Ketua Hakim Negara di rantau Asia Pasifik setiap dua tahun sekali dengan sidang kemuncaknya di Manila pada tahun 1997. *Beijing Principles* ini telah diterima pakai. Tun Dato Sri Mohd Eusoff b. Chin, Ketua Hakim Negara Malaysia adalah salah seorang yang menandatangani surat cara tersebut. Malaysia adalah peserta yang aktif dalam keseluruhan proses. *Beijing Principles* berlandaskan kepada kebebasan badan kehakiman, di mana ia wujud sebelum tahun 1988.

*Beijing Principles* bukanlah perumusan baru bagi norma kebebasan badan kehakiman, tetapi ia adalah semata-mata sebuah pernyataan semula atau kod bagi norma yang telah lama diwujudkan sebelum 1988 di sekitar

negara Komanwel dan rantau Asia Pasifik. Rujukan kepada surat cara dan peruntukan yang berkaitan di dalamnya membantu dalam mentafsirkan maksud sebenar dan skop perkara 125 Perlembagaan Persekutuan. Ia juga berperanan dalam menentukan sama ada terdapat sebarang asas yang munasabah untuk membentuk tuduhan dan seterusnya membuat kesimpulan bahawa pertuduhan tersebut telah dibuktikan terhadap Ketua Hakim Negara atau hakim Mahkamah Agung. *Beijing Principles* bermula dengan penekanan terhadap kepentingan kebebasan badan kehakiman dalam sebuah masyarakat yang bebas dan yang mematuhi kedaulatan undang-undang.

Bahagian yang berkaitan adalah:

- Perenggan. 1 Badan kehakiman adalah satu institusi yang mempunyai nilai tertinggi dalam setiap masyarakat.
- Perenggan. 22 Penyingkiran seseorang hakim dari jawatannya hanyalah patut di dalam keadaan di mana adalah terbukti bahawa beliau tidak mempunyai keupayaan untuk menjadi hakim, disabitkan bagi kes jenayah atau kelakuan yang menyebabkan hakim itu tidak sesuai menjadi hakim.
- Perenggan. 35 Tugas kes kepada hakim adalah perihal pentadbiran kehakiman di mana keputusan muftamad mestilah dimiliki oleh ketua pegawai kehakiman di mahkamah yang berkaitan.
- Perenggan. 38 Kuasa eksekutif yang mungkin menjejaskan para hakim dalam jawatan saraan atau keadaan atau sumber mereka, hendaklah tidak digunakan untuk mengugut atau membawa tekanan kepada seseorang hakim khususnya atau badan kehakiman secara amnya. Ini adalah garis panduan yang penting untuk menentukan sama ada terdapatnya salah laku berkenaan tingkah laku seseorang hakim atau untuk menilai sama ada terdapatnya ketidakupayaan yang menunjukkan beliau tidak sesuai lagi memegang jawatan hakim. (Beijing Statement of Principles of the Independence of the Judiciary in the LAWASIA Region Beijing, 19 August 1995)

Di Malaysia, kedudukan mahkamah dinyatakan dengan jelas di bawah Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, realitinya wujud pertindihan di antara mahkamah, eksekutif dan juga perundangan. Sebagai contoh, badan perundangan di Malaysia secara majoritinya dikuasai oleh ahli parlimen dari parti yang memerintah. (Mohd. Salleh Abas 1989) Mereka ini dipimpin oleh Perdana Menteri yang juga merupakan ketua cabang eksekutif. Undang-undang pula dibuat oleh Jemaah Menteri yang kemudiannya akan dibentangkan di parlimen untuk proses kelulusan. Kelulusan undang-undang ini bukanlah sesuatu yang sukar jika majoriti ahli parlimen ini terdiri daripada kalangan ahli daripada parti yang memerintah.

Selain itu, pihak eksekutif juga turut terlibat di dalam pemilihan para hakim melalui nasihat kepada Yang Di-Pertuan Agong. Namun begitu, konsep kebebasan kehakiman masih lagi merupakan elemen penting dalam sistem perundangan di Malaysia. Perkara ini dinyatakan dengan jelas oleh Suruhanjaya Reid yang ditugaskan untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan di bawah perkara 16. (Thomas T. 1987) Memandangkan konsep kebebasan kehakiman ini adalah amat penting dalam sesebuah negara, maka badan kehakiman perlu diasingkan sepenuhnya daripada dua cabang kerajaan yang lain. Hal yang demikian ini adalah kerana jika wujudnya campur tangan oleh salah satu daripada badan yang membentuk kerajaan ini maka dikhuatiri fungsi badan ini akan terjejas dan tidak akan dapat berjalan dengan adil dan bebas. Di negara ini, fungsi badan perundangan dan juga eksekutif adalah saling bertindih di antara satu sama lain. (Thomas T. 1987) Oleh itu, adalah perlu untuk memastikan fungsi badan yang ketiga iaitu badan kehakiman tidak dipengaruhi oleh kedua-dua badan tersebut.

Oleh yang demikian, sesebuah kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi, ketiga-tiga badan yang membentuk kerajaan iaitu parlimen, eksekutif dan kehakiman harus diasingkan. Perjalanan setiap fungsi kerajaan itu perlu dibahagi dan dijalankan oleh ketiga-tiga badan ini. Dalam hal ini, badan kehakiman harus menjadi sebuah badan yang bebas daripada pengaruh kedua-dua badan tersebut. (Mohd. Salleh Abas. 1989) Konsep ini dikenali sebagai konsep kebebasan kehakiman. Konsep kebebasan kehakiman ini sebenarnya berasal daripada prinsip pengasingan kuasa yang diperkenalkan oleh Montesquieu. (Mohamed Suffian. 1987) Beliau menegaskan bahawa ketiga-tiga badan ini harus mempunyai fungsi yang tersendiri dan bebas di antara satu sama lain. Ini kerana jika wujud campur tangan di dalam satu badan sahaja maka ia boleh membawa kepada kekejaman dan ketidakadilan.



**Foto 1.1** Tun Mohamed Suffian Hashim  
Sumber: <http://tunsuffian-foundation.org/>

Di Malaysia, fungsi ketiga-tiga badan utama yang membentuk kerajaan ini dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Tun Mohamed Suffian turut menyatakan kepentingan wujudnya kebebasan badan kehakiman ini yang antara lain beliau menyebut:

*An independent judiciary is established by the Constitution not to glorify individual judges, not for their personal benefit, but to enable them to do their duty impartially and fairly without fear or favour. In most cases, such as between citizen and citizen, there is no danger of a judge being subject to pressure except from criminal elements. But in a case between Government and citizen the judge's independence is vital. If a judge can be subjected to Government pressure however subtle, public confidence in essential institution to protect the citizen and mete out justice will be destroyed. Once that happens, it will take a whole generation to restore public confidence." (Mohamed Suffian. 1987)*

Pada tahun 1985 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga menerima pakai prinsip asas kebebasan kehakiman ini dan mahukan ahlinya menerima pakai prinsip asas ini iaitu:

1. *The independence of the judiciary shall be guaranteed by the State and enshrined in the Constitution or the law of the country. It is the duty of all governmental and other institutions to respect and observe the independence of the judiciary.*
2. *The judiciary shall decide matters before them impartially, on the basis of facts and ' in accordance with the law, without any restrictions, improper influences, inducements, pressures, threats or interferences, direct or indirect, from any quarter -or for any reason.*
3. *The judiciary shall have jurisdiction over all issues of a judicial nature and shall have exclusive authority to decide whether an issue submitted for its decision is within its competence as defined by law.*
4. *There shall not be any inappropriate or unwarranted interference with the judicial process, nor shall judicial decisions by the courts be subject to revision. This principle is without prejudice to judicial review or to mitigation or commutation by competent authorities of sentences imposed by the judiciary, in accordance with the law.*
5. *Everyone shall have the right to be tried by ordinary courts or tribunals using established legal procedures. Tribunals that do not use the duly established procedures of the legal process shall not be created to displace the jurisdiction belonging to the ordinary courts or judicial tribunals.*
6. *The principle of the independence of the judiciary entitles and requires the judiciary to ensure that judicial proceedings are conducted fairly and that the rights of the parties are respected.*
7. *It is the duty of each Member State to provide adequate resources to enable the judiciary to properly perform its functions.* (Kongres Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-7. 29/11/1985)

Pada tahun 2008, suatu rang undang-undang yang diberi nama Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008 (SPK) digubal. Bacaan pertama SPK dilaksanakan pada hari Selasa 10 Disember 2008. (New Strait Times. 17/12/2008) SPK ini kemudiannya digezetkan pada 8 Januari 2009 setelah mendapat kebenaran Yang Di-Pertuan Agong

pada 6 Januari 2009 dan dikenali sebagai Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (ASPK). Dalam hal ini, kesudian kerajaan untuk memperkenalkan ASPK ini dalam usaha untuk memperbaiki sistem kehakiman Malaysia adalah suatu langkah yang baik. Tujuan pengenalan akta ini, pihak kerajaan berhasrat untuk terus memperkukuhkan dan menjadikan sistem kehakiman Malaysia sebagai suatu sistem yang bebas. Salah satu fokus utama ASPK ini adalah untuk memberikan kebebasan dalam pemilihan hakim tanpa campur tangan yang terlalu ketara daripada pihak eksekutif. Dalam erti kata lain, konsep kebebasan kehakiman menjadi objektif utama kepada penggubalan ASPK ini. (Undang-undang Malaysia. 2009)

Bagi membentuk sebuah sistem yang adil adalah perlu untuk membentuk sebuah badan kehakiman yang bebas. Badan ini haruslah bebas daripada pengaruh mana-mana pihak. Inilah perlunya untuk kita memahami betapa pentingnya konsep kebebasan kehakiman. Badan kehakiman tidak akan dapat berfungsi dengan baik jika ia dipengaruhi oleh badan yang lain walaupun pengaruh tersebut adalah kecil. (Mohd. Salleh Abas. 1989) Di samping itu, bagi tujuan keadilan konsep kebebasan kehakiman ini harus juga diperluaskan sehingga ke mahkamah bawahan iaitu ke Mahkamah Seksyen dan juga Majistret. Hal yang demikian ini adalah kerana kedua-dua mahkamah ini adalah di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia yang mana pelantikan dan gaji mereka dibayar oleh kerajaan. Dalam hal ini, kerajaan yang memerintah pula adalah dalam kalangan pihak eksekutif yang juga kebanyakan daripada mereka adalah juga ahli di dalam badan perundangan.

Hakim Mahkamah Rendah ini juga tertakluk kepada arahan perpindahan dari bahagian kehakiman kepada bahagian pendakwaan dari masa ke semasa. Justeru itu, kebanyakan hakim yang menduduki Mahkamah Rendah ini juga boleh dilantik ke jawatan pendakwa raya kemudiannya. Keadaan ini boleh menimbulkan konflik kepentingan yang mana jika berlaku akan mewujudkan ketidakadilan di dalam sistem perundangan itu sendiri. Oleh yang demikian, adalah perlu hakim yang dilantik untuk menduduki Mahkamah Rendah ini bebas daripada pengaruh eksekutif. Ini kerana kes yang dibicarakan di Mahkamah Rendah ini bukanlah kes yang kecil sahaja malah turut meliputi kes yang boleh membawa kepada hukuman penjara seumur hidup dan juga sebatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 63 akta ini. (Undang-undang Malaysia. 2009) Justeru itu, kebebasan kehakiman di Malaysia tidak harus hanya tertumpu kepada mahkamah atasan

semata-mata bahkan harus juga meliputi Mahkamah Rendah. Ini kerana keduanya mempunyai peranan yang sama bagi memastikan keadilan dapat direalisasikan di dalam negara ini.

Bagi negara lain pula, konsep kebebasan kehakiman menjadi asas utama yang kuat dalam masyarakat British. (Mohd. Salleh Abas. 2006) Oleh itu, para hakimnya bebas membuat keputusan walaupun bertentangan dengan kehendak kerajaan kerana mereka ini bebas daripada pengaruh politik. (<http://www.publications.parliament.uk/ukpga12005141contents-11/1/2018>) Pada suatu ketika dahulu, pihak eksekutif bertanggungjawab melantik hakim dalam sistem kehakiman di United Kingdom. Walaupun hakim dilantik oleh raja tetapi ia melalui nasihat daripada Perdana Menteri. Kemudiannya, sedikit perubahan berlaku yang mana pelantikan para hakim dicadangkan oleh Lord Chanselor kepada raja yang kemudiannya melantik hakim tersebut.



**Foto 1.2** Lord Irvine Of Lairg

*Sumber:* <https://alumni.christs.cam.ac.uk/lord-irvine-of-lairg>

Namun begitu, masih terdapat lagi peranan pihak eksekutif apabila pelantikan hakim kanan masih melibatkan Perdana Menteri. Pada tahun 1997, Lord Chanselor ketika itu iaitu Lord Irvine of Lairg memutuskan bahawa pelantikan hakim perlu dibuat secara terbuka dan bukan lagi secara jemputan seperti yang diamalkan sebelumnya. Pada tahun 2001,

# TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

## Kuasa & Krisis Kehakiman 1982-1988

Buku *Tun Dr. Mahathir Mohamad Kuasa & Krisis Kehakiman 1982-1988* bertujuan untuk menelusuri pentadbiran Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 dan kesannya terhadap sistem kehakiman di Malaysia. Kesan pentadbiran Tun Dr. Mahathir terhadap sistem kehakiman dapat dilihat khususnya dalam beberapa aspek yang saling berhubung kait antaranya melalui siri campur tangan dan perluasan kuasa eksekutif terhadap bidang kuasa badan kehakiman dalam tempoh masa yang dikaji. Ia menjadi politik antara badan eksekutif dengan badan kehakiman Malaysia. Buku ini harus dimiliki oleh mereka yang berminat tentang politik Tun Dr Mahathir Mohamad yang menguasai pentadbiran selama lebih 20 tahun. Lantaran itu, buku ini sangat sesuai dijadikan rujukan para pengkaji sejarah, penganalisis politik dan juga ahli politik. Tidak kurang penting juga perlu dibaca oleh para siswazah serta orang awam untuk mengetahui tentang polimik kuasa tersebut.

**Dr. Mohamad Asrol Arpdi bin Mamat**, merupakan anak kelahiran Tumpat, Kelantan. Dilahirkan pada 25 Ogos 1985. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Sains Politik dari UKM pada tahun 2009, sementara di peringkat Sarjana pula pengkhususan beliau dalam bidang Sejarah Malaysia (UPSI) (2015) dan mendapat Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah dari UPSI pada tahun 2020. Aktif dalam kepimpinan di peringkat kolej dan universiti, dilantik sebagai Timbalan Ketua Jentera Pilihan Raya Kampus UKM (Kolej Keris Mas) (2008), Ahli Jawatankuasa Majlis Tertinggi Aspirasi UKM (2008). Berpengalaman dalam aspek kajian dan penulisan ilmiah bidang sejarah Malaysia. Berperanan sebagai penulis buku terbitan UTHM yang berjudul "Kepimpinan Tun Abdul Razak Era 1969-1970" (penerima Anugerah Buku Negara 2018: Kategori Buku Biografi Terbaik). Pernah menjadi pembantu editor bagi penerbitan buku "Parlimen Malaysia" (2009) dan "Direktori 50 Tahun Parlimen Malaysia" (2010). Juga aktif menulis artikel jurnal. Beliau boleh dihubungi melalui email: r\_pd85@yahoo.com.

**Profesor Dr. Haji Ishak Saat** merupakan anak kelahiran Sitiawan, Perak. Beliau berpengalaman luas dalam bidang pendidikan melebihi 35 tahun, sejak 1988. Pernah bertugas sebagai Pensyarah Cemerlang di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tuanku Bainun, Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Pengarah, Muzium Pendidikan Nasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris (2010-2011). Kini merupakan Profesor di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau juga merupakan Profesor Kunjungan di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia dari 31 Disember 2017 hingga 31 Julai 2018 dan merupakan ahli Senat Universiti Pendidikan Sultan Idris (2019-2025). Beliau juga terlibat sebagai Pengerusi Panel Pakar Rujuk Mata Pelajaran Sejarah dan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2023-2027). Beliau aktif menghasilkan buku-buku ilmiah dalam bidang Sejarah Malaysia, hasil karya beliau melebihi 45 buah buku. Beliau boleh dihubungi melalui email: ishakhj@fsk.upsi.edu.my @ ishaksaat1964@gmail.com.

ISBN 978-629-7524-13-9



9 786297 524139 >

Harga : RM 40.00